

Selangor pasang 200 CCTV

YM 11.1.2008 MSZT

PETALING JAYA 10 Jan. - Kerajaan negeri Selangor telah meluluskan peruntukan bagi memasang 200 lagi kamera litar tertutup (CCTV) dalam usaha membendung kegiatan jenayah di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Dr. Lim Thuang Seng, kamera yang dipasang adalah yang

mempunyai resolusi tinggi dan menggunakan pancaran infra merah.

"Kamera berteknologi tinggi itu akan membolehkan rakaman pada waktu malam juga dibuat dengan jelas. Selain itu, ia juga boleh memfokus ke jarak dekat.

"Kamera-kamera ini akan dipasang di kawasan-kawasan sensitif untuk mengurangkan risiko kejadian jenayah," kata Thuang Seng.

Katanya, pemasangan 200 unit kamera itu adalah bagi fasa satu dan jumlahnya akan ditambah pada fasa seterusnya.

Menurut Thuang Seng lagi, adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk meningkatkan tahap keselamatan di seluruh negeri itu dan semua pihak berkuasa tempatan telah diarah memainkan peranan untuk merealisasikan matlamat itu.

"Sebelum ini, PBT tidak terlibat secara

langsung dalam program mengurangkan kejadian jenayah. Tetapi sekarang dasar kerajaan ialah mahu semua PBT membantu pihak polis meningkatkan tahap keselamatan di kawasan masing-masing dan di antara kaedahnya ialah dengan memasang CCTV.

"Selain itu, penambahan lampu jalan juga akan dilakukan untuk membantu mengurangkan potensi berlakunya jenayah," jelas beliau.